



**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Kami : KPM.100-1/3/1 Jld.2 ( **5** )  
Tarikh : **07** November 2019

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan/ Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA***  
***BILANGAN 5 TAHUN 2019***

**PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)**  
**(SEMAKAN 2017) PENDIDIKAN SENI VISUAL DAN KSSR (SEMAKAN 2017)**  
**PENDIDIKAN MUZIK BAGI MENGGANTIKAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN**  
**KESENIAN MULAI TAHUN 2020**

**TUJUAN**

1. Surat pekeliling ikhtisas ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Seni Visual dan KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik bagi menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian mulai tahun 2020.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 8/2018 bertarikh 20 Julai 2018 telah memutuskan mata pelajaran KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Kesenian dilaksanakan secara berasingan sebagai mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik bermula tahun 2020.

## TAFSIRAN

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik merupakan dua mata pelajaran yang menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian dalam KSSR (Semakan 2017).

## PELAKSANAAN

- ...3. Pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Seni Visual dan KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik adalah seperti berikut:
  - 3.1 Dilaksanakan mulai tahun 2020 di Tahun 1 hingga Tahun 4. Perincian pelaksanaan adalah seperti dalam **Lampiran 1**.
  - 3.2 Menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Seni Visual dan DSKP KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik. DSKP boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum <http://bpk.moe.gov.my>
  - 3.3 Peruntukan masa minimum setahun ialah 32 jam bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan 16 jam bagi mata pelajaran Pendidikan Muzik. Bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), Pendidikan Seni Visual dilaksanakan satu jam manakala bagi Pendidikan Muzik dilaksanakan 30 minit.
  - 3.4 Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik diajar oleh guru opsyen.
  - 3.5 Menggunakan buku teks KSSR Pendidikan Kesenian sedia ada sehingga buku teks KSSR Pendidikan Seni Visual dan KSSR Pendidikan Muzik diterbitkan secara berasingan.
  - 3.6 Menggunakan templat perekodan dan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mengikut mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik. Templat perekodan dan pelaporan PBD

boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum <http://bpk.moe.gov.my>.

- 3.7 Menggunakan Geran Per Kapita (PCG) bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah mengikut surat pekeliling kewangan yang sedang berkuat kuasa.

## **TARIKH KUAT KUASA**

- ...4. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai hari pertama sesi persekolahan tahun 2020 dan perlu dibaca secara bersama dengan **SPI Bilangan 8 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017**. Sehubungan dengan itu, pindaan dibuat terhadap Lampiran 1, Lampiran 2, Lampiran 3, Lampiran 5, Lampiran 6 dan Lampiran 7. Lampiran 11 dalam SPI Bilangan 8 Tahun 2016 adalah terbatal. Lampiran yang telah dipinda disertakan dalam SPI ini.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

5. Pihak YBhg. Datuk/tuan/ puan diminta mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan semua sekolah termasuk sekolah swasta yang berkaitan di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/ puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATUK DR. AMIN BIN SENIN**

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan - Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan - Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua Komunikasi Korporat  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**JADUAL PELAKSANAAN  
KSSR (SEMAKAN 2017) MATA PELAJARAN  
PENDIDIKAN SENI VISUAL DAN KSSR (SEMAKAN 2017)  
MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK**

	2020	2021	2022
<b>Tahun 1</b>	KSSR (Semakan 2017) Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik	KSSR (Semakan 2017) Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik	KSSR (Semakan 2017) Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik
<b>Tahun 2</b>			
<b>Tahun 3</b>			
<b>Tahun 4</b>			
<b>Tahun 5</b>	KSSR (2011) Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik	KSSR (2011) Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik	
<b>Tahun 6</b>			

**Nota:**

WARNA	PENERANGAN
	Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik dilaksanakan menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian bermula dengan Tahun 1 hingga 4 di tahun 2020, diikuti dengan Tahun 1 hingga 5 di tahun 2021 dan Tahun 1 hingga 6 di tahun 2022.
	Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik dilaksanakan menggunakan KSSR (2011) di Tahun 5 dan 6 pada tahun 2020 dan di Tahun 6 pada tahun 2021.

**MATA PELAJARAN DAN PERUNTUKAN MASA MINIMUM JAM SETAHUN  
KSSR (SEMAKAN 2017) TAHAP I  
(Tahun 1, 2 dan 3)**

BIL.	MATA PELAJARAN TERAS	MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)	
		SK	SJK
1	Bahasa Melayu	192	160
2	Bahasa Inggeris	160	80
3	Bahasa Cina / Bahasa Tamil	-	192
4	Matematik	96	96
5	Pendidikan Islam	96 + (*32 [Tasmik])	64 + (*32 [Tasmik])
	Pendidikan Moral	96	64
6	Sains	48	48
7	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	48	48
***8	Pendidikan Seni Visual	32	32
***9	Pendidikan Muzik	16	16
<b>MATA PELAJARAN TAMBAHAN</b>			
10	Bahasa Arab / Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan / Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan / Bahasa Iban / Bahasa Kadazandusun / Bahasa Semai	48	-
	Perhimpunan	16	16
<b>Jumlah Jam Setahun</b>		<b>**752</b>	<b>**752</b>

Nota:

- i. Mata pelajaran Sains menggantikan mata pelajaran Dunia Sains dan Teknologi.
- ii. Mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan mata pelajaran Pendidikan Kesihatan digabungkan menjadi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan.
- iii. \* Jumlah jam setahun untuk pelaksanaan Tasmik dalam Program j-QAF.
- iv. \*\* Jumlah tidak termasuk Tasmik.
- v. \*\*\* Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian.

Pindaan Lampiran 2 SPI Bil. 8 Tahun 2016 (halaman 7).

**MATA PELAJARAN DAN PERUNTUKAN MASA MINIMUM JAM SETAHUN  
KSSR PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)  
KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN TAHAP I  
(Tahun Pengukuhan, 1, 2 dan 3)**

<b>BIL</b>	<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>	<b>MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)</b>
1	Bahasa Melayu (Suaian)	160
2	Bahasa Inggeris (Suaian)	160
3	Matematik	96
4	Sains	48
5	Pendidikan Islam (Suaian)	80
	Pendidikan Moral	
6	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	48
*7	Pendidikan Seni Visual	32
*8	Pendidikan Muzik	16
9.	Bahasa Isyarat Komunikasi	96
	Perhimpunan	16
<b>Jumlah Jam Setahun</b>		<b>752</b>

Nota:

- i. \* Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian.

**MATA PELAJARAN DAN PERUNTUKAN MASA MINIMUM JAM SETAHUN  
KSSR PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)  
KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN TAHAP I  
(Tahun 1, 2 dan 3)**

<b>BIL</b>	<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>	<b>MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)</b>
1	Bahasa Melayu	192
2	Bahasa Inggeris	160
3	Matematik	96
4	Sains	48
5	Pendidikan Islam	96
	Pendidikan Moral	
6	Pendidikan Jasmani (Suaian) dan Pendidikan Kesihatan	48
*7	Pendidikan Seni Visual (Suaian)	16
*8	Pendidikan Muzik	16
9	Kemahiran Asas Individu Ketidakupayaan Penglihatan	32
<b>MATA PELAJARAN TAMBAHAN</b>		
10	Bahasa Arab / Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan / Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan / Bahasa Iban / Bahasa Kadazandusun / Bahasa Semai	32
	Perhimpunan	16
<b>Jumlah Jam Setahun</b>		<b>752</b>

Nota:

- i. \* Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian.



Pindaan Lampiran 5 SPI Bil. 8 Tahun 2016 (halaman 10).

**MATA PELAJARAN DAN PERUNTUKAN MASA MINIMUM JAM SETAHUN  
KSSR (SEMAKAN 2017) TAHAP II  
(Tahun 4, 5 dan 6)**

BIL.	MATA PELAJARAN TERAS	MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)	
		SK	SJK
1	Bahasa Melayu	160	128
2	Bahasa Inggeris	160	96
3	Bahasa Cina / Bahasa Tamil	-	160
4	Matematik	96	96
5	Sains	64	64
6	Pendidikan Islam	96 + (*32 [Tasmik])	80 + (*32 [Tasmik])
	Pendidikan Moral	96	80
7	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	48	48
8	Sejarah	32	32
***9	Pendidikan Seni Visual	32	32
***10	Pendidikan Muzik	16	16
11	Reka Bentuk dan Teknologi	32	32
<b>MATA PELAJARAN TAMBAHAN</b>			
12	Bahasa Arab / Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan / Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan / Bahasa Iban / Bahasa Kadazandusun / Bahasa Semai	48	-
	Perhimpunan	16	16
<b>Jumlah</b>		<b>**800</b>	<b>**800</b>

Nota:

- i. Pelaksanaan Tahap II KSSR (Semakan 2017) bermula tahun 2020.
- ii. Mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah distruktur semula dalam EMK seperti berikut:
  - a. Modul Kemahiran Asas
  - b. Modul Aplikasi
- iii. \* Jumlah jam setahun untuk pelaksanaan Tasmik dalam Program j-QAF.
- iv. \*\* Jumlah tidak termasuk Tasmik
- v. \*\*\* Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian.

Pindaan Lampiran 6 SPI Bil. 8 Tahun 2016 (halaman 11).

**MATA PELAJARAN DAN PERUNTUKAN MASA MINIMUM JAM SETAHUN  
KSSR PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)  
KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN TAHAP II  
(Tahun 4, 5 dan 6)**

<b>BIL</b>	<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>	<b>MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)</b>
1	Bahasa Melayu (Suaian)	160
2	Bahasa Inggeris (Suaian)	160
3	Matematik	96
4	Sains	64
5	Pendidikan Islam (Suaian)	96
	Pendidikan Moral	
6	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	48
*7	Pendidikan Seni Visual	16
*8	Pendidikan Muzik	16
9	Sejarah	32
10	Reka Bentuk dan Teknologi	32
11	Bahasa Isyarat Komunikasi	64
	Perhimpunan	16
<b>Jumlah Jam Setahun</b>		<b>800</b>

Nota:

- i. \* Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran Pendidikan Muzik menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian.

Pindaan Lampiran 7 SPI Bil. 8 Tahun 2016 (halaman 12).

**MATA PELAJARAN DAN PERUNTUKAN MASA MINIMUM JAM SETAHUN  
KSSR PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)  
KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN TAHAP II  
(Tahun 4, 5 dan 6)**

<b>BIL</b>	<b>MATA PELAJARAN TERAS</b>	<b>MASA MINIMUM SETAHUN (JAM)</b>
1	Bahasa Melayu	160
2	Bahasa Inggeris	160
3	Matematik	96
4	Sains	64
5	Pendidikan Islam	96
	Pendidikan Moral	
6	Pendidikan Jasmani (Suaian) dan Pendidikan Kesihatan	48
*7	Pendidikan Seni Visual (Suaian)	16
*8	Pendidikan Muzik	16
9	Sejarah	32
10	Reka Bentuk dan Teknologi	32
11	Kemahiran Asas Individu Ketidakupayaan Penglihatan	32
<b>MATA PELAJARAN TAMBAHAN</b>		
12	Bahasa Arab / Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan / Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan / Bahasa Iban / Bahasa Kadazandusun / Bahasa Semai	32
	Perhimpunan	16
<b>Jumlah Jam Setahun</b>		<b>800</b>

Nota:

- i. \* Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (Suaian) dan mata pelajaran Pendidikan Muzik menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian (Suaian).